



Garis Panduan
Skim Fellowship Penyelidik Muda

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
(CRIM)

Versi 1.0
18 Februari 2010

I. LATAR BELAKANG

1. Fellowship Penyelidik Muda ini diwujudkan pada tahun 2010 di bawah Dana Universiti Penyelidikan.
2. Garis Panduan Fellowship Penyelidik Muda ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil 3/2010 pada 20 Januari 2010.
3. Garis Panduan Fellowship Penyelidik Muda ini telah dimaklumkan dalam Mesyuarat Ketua-ketua Bahagian Bil 1/2010 pada 26 Januari 2010.

II. DEFINISI FELLOWSHIP

Fellowship ini membolehkan Pensyarah/Felo muda menjalankan penyelidikan dan mengadakan jaringan/sangkutan dalam penyelidikan.

III. TUJUAN FELLOWSHIP

Tujuan fellowship ini adalah untuk menggalakkan Pensyarah/Felo muda membangun dan mengukuhkan bidang kepakaran yang menyumbang kepada pengukuhan Fakulti/Institut/Pusat dan Nic Penyelidikan.

IV. KRITERIA & SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Kriteria dan syarat-syarat permohonan adalah:

1. Permohonan yang dibuat mestilah kesinambungan daripada bidang pengajian peringkat Doktor Falsafah atau sebagai lanjutan daripada bidang penyelidikan semasa calon.
2. Penyelidikan dan jaringan/sangkutan mestilah dilakukan di makmal/pusat di mana bidang kepakaran peringkat Doktor Falsafah calon diperoleh. Calon berkelulusan dari universiti tempatan, digalakkan untuk mengadakan jaringan/sangkutan di luar Negara.

V. KELAYAKAN

Pemohon mestilah memenuhi kelayakan seperti berikut:

- i. Pensyarah/Felo yang baru selesai dari bercuti belajar/PhD.
- ii. Telah berkhidmat tidak melebihi 3 tahun dari tarikh lapor diri selepas bercuti belajar. Namun demikian dalam kes-kes tertentu pertimbangan boleh diberikan walaupun tempoh telah melebihi 3 tahun.

VI. TEMPOH JARINGAN

Tempoh jaringan sekurang-kurangnya satu (1) bulan dan tidak melebihi tiga (3) bulan.

VII. KPI/OUTPUT

Output yang perlu dikemukakan hasil dari jaringan/jangkauan ini adalah:

1. Kertas kerja jurnal/prosiding
2. Lol/MoU/MoA/geran yang menunjukkan kerjasama penyelidikan jangka panjang dengan makmal/pusat tersebut.

VIII. PROSEDUR PERMOHONAN DAN PENILAIAN

1. Permohonan perlu menggunakan Borang Permohonan Fellowship Penyelidik Muda yang disediakan.
2. Permohonan perlu dikemukakan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) mengikut tarikh tutup yang ditetapkan.
3. Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilai yang ditetapkan.
4. Keputusan penilaian adalah muktamad.

IX. LAPORAN JARINGAN/SANGKUTAN

Laporan lengkap perlu dikemukakan **dalam tempoh sebulan** selepas jaringan diadakan.

TAMAT

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM)
Universiti Kebangsaan Malaysia
CRIM/FPM/GP/VERSI 1.0
18 Februari 2010